

Bil. S 47

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PINDAAN DAN PENGGANTUNGAN) (PINDAAN), 2004

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari S 8/84.
 3. Pemasukan bab 3 baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PINDAAN DAN PENGGANTUNGAN) (PINDAAN), 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Pindaan dan Penggantungan) (Pindaan), 2004, dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 16 haribulan Ogos, 2004.

Pindaan bab 2 dari S 8/84.

2. Bab 2 dari Perintah Darurat (Perlembagaan) (Pindaan dan Penggantungan), 1984, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memotong tanda sengkang dari baris pertama;

(b) dalam perenggan (1) —

(i) dengan memotong "(1)" dari baris pertama;

(ii) dengan memotong koma bernoktah dan menggantikannya dengan noktah;

(c) dengan memansuhkan perenggan (2).

Pemasukan bab 3 baru.

3. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 2 —

"Penggantungan terhenti daripada berkuatkuasa.

3. Setelah Perintah Perlembagaan (Pindaan dan Penggantungan) (Pindaan), 2004 mula berjalan kuatkuasanya, penggantungan syarat-syarat Bahagian VI dan Bahagian VII dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, yang berhubung dengan Majlis Mesyuarat Negeri, yang telah berkuatkuasa

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

sejurus sebelum permulaan kuatkuasa tersebut, hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa."

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 16 haribulan Ogos, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**